

## **ORDINAN BINATANG 1953**

### **PERINTAH KAWASAN KAWALAN PENYAKIT KUKU DAN MULUT NEGERI PAHANG 2004**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(2) Ordinan Binatang 1953 [*Ordinan No. 17 tahun 1953*], Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang membuat perintah yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawasan Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut Negeri Pahang 2004**
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 9 Februari 2004

#### **Pemindahan binatang**

2. Pemindahan binatang atau karkas atau mana-mana bahagiannya ke dalam atau ke luar Negeri Pahang atau ke dalam mana-mana kawasan dalam Negeri Pahang hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
  - (a) binatang atau karkas atau mana-mana bahagiannya itu hendaklah:-
    - (i) dari kandang yang telah didaftarkan atau dari punca yang telah diperakui oleh Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang;
    - (ii) mempunyai tanda pengenalan gerompok yang telah didaftarkan;
    - (iii) memiliki Perakuan Kebenaran Pindah sebagaimana dalam Jadual Pertama dari Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang;
    - (iv) diperakui oleh Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang sebagai bebas daripada penyakit berjangkit atau tidak bersentuhan dengan binatang yang berpenyakit berjangkit serta memiliki Perakuan Kesihatan Veterinar;
  - (b) penyembelih, peniaga ternakan atau peniaga daging hendaklah berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang;
  - (c) kenderaan untuk membawa binatang atau karkas atau mana-mana bahagiannya hendaklah berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang; dan
  - (d) penyembelih, peniaga ternakan atau peniaga daging hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang atau pegawai yang diberikuasa olehnya berkaitan dengan pengawalan penyakit kuku dan mulut.

### **Penyembelihan binatang**

3. Penyembelihan binatang hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
  - (a) tuan punya, penyembelih atau peniaga hendaklah memastikan:-
    - (i) binatang adalah dari kandang yang telah didaftarkan dan hendaklah memiliki Perakuan Kesihatan Veterinar dan Perakuan Kebenaran Sembelih sebagaimana dalam Jadual Kedua;
    - (ii) binatang disembelih di Rumah Sembelih Kerajaan atau swasta atau di mana-mana tempat yang dibenarkan oleh Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang;
  - (b) bagi tujuan jualan karkas atau mana-mana bahagiannya, tuan punya, penyembelih atau peniaga hendaklah memiliki Perakuan Kesihatan Veterinar; dan
  - (c) tuan punya, penyembelih atau peniaga hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang atau pegawai yang diberikuasa olehnya berkaitan dengan pengawalan penyakit kuku dan mulut.

**JADUAL PERTAMA**

**ORDINAN BINATANG 1953**

PERINTAH KAWASAN KAWALAN PENYAKIT KUKU DAN MULUT NEGERI PAHANG 2004  
[ Perenggan 2(a)(iii) ]

JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN NEGERI PAHANG

**PERAKUAN KEBENARAN PINDAH**

**No: P**

Kebenaran adalah dengan ini diberi kepada:

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Alamat :

No. Telefon :

untuk memindahkan binatang dari: \_\_\_\_\_

ke: \_\_\_\_\_

1. Jenis :
2. Jumlah :
3. Tujuan :
4. No. Kenderaan :
5. Catatan :

Perakuan ini sah sehingga : \_\_\_\_\_

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

### **SYARAT PERAKUAN KEBENARAN PINDAH**

1. PERAKUAN KEBENARAN PINDAH ini adalah bagi tempat, tempoh, tujuan dan cara yang dinyatakan di muka sebelah serta sahlaku untuk satu pemindahan sahaja.
2. Pemindahan binatang dan bahan binatang MESTI beserta dengan PERAKUAN KESIHATAN VETERINAR.
3. Pemegang PERAKUAN KEBENARAN PINDAH hendaklah membenarkan pegawai yang diberi kuasa oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan memeriksa dan menandakan binatang dan bahan binatang ini jika diperlukan.
4. PERAKUAN KEBENARAN PINDAH asal hendaklah sentiasa bersama binatang dan bahan binatang yang dipindahkan dengan satu dokumen pada setiap kenderaan untuk memudahkan pemeriksaan oleh pihak berkuasa.
5. Binatang dan bahan binatang ini hendaklah dihantar terus ke tempat yang dinyatakan.
6. Pemegang PERAKUAN KEBENARAN PINDAH hendaklah melaporkan ketibaan binatang dan bahan binatang kepada Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah berhampiran.
7. Kegagalan mendapat PERAKUAN KEBENARAN PINDAH ini sebelum sesuatu pemindahan dijalankan adalah melanggar peruntukan di bawah Ordinan Binatang 1953 dan boleh didakwa di Mahkamah.

Dengan Perintah

*Pengarah Perkhidmatan Haiwan  
Negeri Pahang*

**JADUAL KEDUA**

**ORDINAN BINATANG 1953**

PERINTAH KAWASAN KAWALAN PENYAKIT KUKU DAN MULUT NEGERI PAHANG 2004  
[ Perenggan 3(a)(i) ]

JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN NEGERI PAHANG

**PERAKUAN KEBENARAN SEMBELIH**

**No: S**

Kebenaran adalah dengan ini diberi kepada:

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Alamat :

No. Telefon :

untuk menyembelih:

1. Jenis :

2. Jumlah :

3. Jantina :

4. Tujuan :

5. Tempat :

6. Catatan :

Perakuan ini sah sehingga : \_\_\_\_\_

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

## **SYARAT PERAKUAN KEBENARAN SEMBELIH**

1. Penyembelihan ini hendaklah dilakukan di tempat, tempoh dan dengan tujuan yang dinyatakan dalam PERAKUAN KEBENARAN SEMBELIH dan sah laku untuk sekali sahaja.
2. Pengeluaran PERAKUAN KEBENARAN SEMBELIH dibuat setelah PERAKUAN KESIHATAN VETERINAR dikeluarkan.
3. Pemegang PERAKUAN KEBENARAN SEMBELIH hendaklah membenarkan pegawai yang diberi kuasa oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan memeriksa dan menandakan binatang itu dan karkasnya jika diperlukan.
4. Pemegang PERAKUAN KEBENARAN SEMBELIH hendaklah menyimpan dokumen semasa penyembelihan dijalankan bagi memudahkan pegawai yang diberi kuasa oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan menjalankan pemeriksaan.
5. Kegagalan mendapatkan PERAKUAN KEBENARAN SEMBELIH ini sebelum penyembelihan dijalankan adalah melanggar peruntukan di bawah Ordinan Binatang 1953 dan boleh didakwa di Mahkamah.

Dengan Perintah

*Pengarah Perkhidmatan Haiwan  
Negeri Pahang*

Dibuat pada 9 Februari 2004

[ SUK.PHG. (KTN) V.Phg. A-081 ]

DATO' DR. HAJI MOHAMAD AZMIE BIN ZAKARIA  
*Pengarah Perkhidmatan Haiwan  
Negeri Pahang*

---

[Pusat Panggilan Perkhidmatan Veterinar JPH Pahang: 09-5149666](tel:09-5149666)